

0265

U B310 AAB
MAHATHIR - HUBUNGAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN BRUNEI DARUSSALAM AKAN BERTAMBAH ERAT APABILA HUBUNGAN UDARA YANG LEBIH KERAP DAN LEBUH RAYA TRANS-BORNEO DILAKSANAKAN KELAK.

RUNDINGAN ANTARA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DENGAN SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI (RBA) UNTUK MENAMBAH PENERBANGAN AKAN BERLANGSUNG DUA MINGGU AKAN DATANG, KATA PERDANA MENTERI.

SEMASA BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN PENIAGA-PENIAGA TEMPATAN ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU BRUNEI DI PLAZA ABDUL RAZAK DI SINI, BELIAU BERKATA PENAMBAHAN PENERBANGAN ANTARA BANDAR SERI BEGAWAN DAN KUALA LUMPUR JUGA DAPAT MENJADIKAN KAWASAN LEMBAH KELANG PUSAT PERNIAGAAN UNTUK PENIAGA BRUNEI.

BEGITU JUGA KUNJUNG MENGUNJUNG ANTARA RAKYAT MALAYSIA KHUSUSNYA DARI SABAH DAN SARAWAK KE BRUNEI DAN SEBALIKNYA DAPAT TERJALIN LEBIH MUDAH DAN RAPAT DENGAN SIAPNYA LEBUH RAYA YANG MENGHUBUNGAN KETIGA-TIGA KAWASAN, KATANYA.

PADA MASA INIPUN, KATANYA, RAKYAT MALAYSIA BERULANG ALIK KE BRUNEI UNTUK MEMBELI MINYAK YANG HARGANYA LEBIH MURAH MANAKALA RAKYAT BRUNEI PERGI KE BANDAR-BANDAR MALAYSIA UNTUK MEMBELI BUAH-BUAHAN YANG HARGANYA RENDAH. - LAGI.
1745MST 31 03 87

U B323 AAB
MAHATHIR - HUBUNGAN 2 BANDAR SERI BEGAWAN

+SAYA MENJEMPUT RAKYAT BRUNEI KHUSUSNYA PENIAGA-PENIAGA SUPAYA MENJADIKAN KUALA LUMPUR TEMPAT PERSINGGAHAN UTAMA MEREKA MEMANDANGKAN BARANG-BARANG YANG TERDAPAT DI SITU TERUTAMA ELEKTRONIK LEBIH MURAH DARI SINGAPURA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA, KOB YANG LEBIH TINGGI DI SINGAPURA DAN PENURUNAN NILAI RINGGIT MENJADIKAN BARANG KELUARAN MALAYSIA LEBIH MURAH DAN KOMPETITIF.

BAGAIMANAPUN, KATANYA BELIAU SEDAR SUKAR UNTUK MENUKAR SELERA DARI MENGUNJUNG SEBUAH BANDARAYA YANG BESAR SEPERTI SINGAPURA KE KUALA LUMPUR YANG LEBIH KECIL KAWASAN DAN PENDUDUKNYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DI MALAYSIA AKAN DAPAT MENGADAKAN LEBIH BANYAK HUBUNGAN DENGAN RAKAN MEREKA DI BRUNEI DARUSSALAM BAGI MENARIK PELABUR-PELABUR NEGARA ITU MENANAM MODAL DI MALAYSIA.

KATANYA, KERAJAAN SEDIA MEMBANTU PENIAGA-PENIAGA BRUNEI DARUSSALAM YANG BERMINAT MELABUR DI MALAYSIA DAN BERBAGAI AGENSI DAN BADAN TELAH WUJUD UNTUK MEMBERIKAN KERJASAMA YANG DIPERLUKAN. - LAGI.

1810MST 31 03 87

U B326 AAB
MAHATHIR - HUBUNGAN 3 BANDAR SERI BEGAWAN

PERDANA MENTERI BERKATA LEBIH BANYAK LAWATAN DI PERINGKAT MENTERI DAN PEGAWAI AKAN DIADAKAN ANTARA MALAYSIA DENGAN BRUNEI BUKAN SAHAJA BAGI URUBAN RASMI BAHKAN SECARA PERIBADI.

PADA SIDANG AKHBAR SINGKAT DI ISTANA EDINBURGH, TEMPAT PENGINAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA LAWATAN DUA HARI KE SINI, BELIAU BERKATA MALAYSIA BENTIASA MENGALU-ALUKAN PELABURAN BRUNEI DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.

KATANYA LABUAN BOLEH MENJADI PUSAT PERNIAGAAN BAGI PELABUR-PELABUR BRUNEI SAMA ADA SECARA PERSENDIRIAN MAHUPUN USAHASAMA DENGAN PENIAGA TEMPATAN UNTUK MENGELUARKAN BARANG CUKAI BEBAS.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PADA PERBINCANGAN TERTUTUP DENGAN AGENSI PELABURAN BRUNEI PAGI TADI, TIDAK DIRUNDINGKAN BIDANG-BIDANG KHUSUS YANG BOLEH DIMAJUKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMULAKAN LAWATAN HARI KEDUANYA HARI INI DENGAN MENGHADIRI TAKLIMAT PEMBANGUNAN DAN PELABURAN DI PUSAT DAKWAH ISLAMIAH BRUNEI. - LAGI.

1813MST 31 03 87

D297

U B336 AAB
MAHATHIR - HUBUNGAN 4 BANDAR SERI BEGAWAN

DALAM TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN LIMA TAHUN BRUNEI, PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI, KEMENTERIAN KEWANGAN BRUNEI DARUSSALAM, DATIN HAJAH JUSNANI HAJI LAWIE BERKATA 56 PERATUS DARIPADA IMPORT MALAYSIA KE NEGARA ITU BAGI TAHUN LEPAS BERUPA MAKANAN DAN MINUMAN.

KATANYA, IMPORT DARI MALAYSIA KE BRUNEI MENINGKAT DARIPADA \$50 JUTA PADA 1980 KEPADA \$70 JUTA PADA TAHUN LEPAS.

SETIAUSAHA TETAP (TEKNIKAL) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN ENCIK MALAI ALI MALAI HAJI OTHMAN BERKATA BRUNEI MENYAMBUT BAIK PELABURAN ASING DI NEGARANYA TETAPI SEHINGGA SEKARANG BELUM MENGHANTAR SEBARANG ROMBONGAN GALAKAN UNTUK MENARIK PELABUR KE BRUNEI.

PERDANA MENTERI BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS SIDANG AKHBAR ITU DAN ANTARA PEMBESAR TEMPATAN YANG BERADA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA IALAH MENTERI KEWANGAN PENGIRAN JEFRI BOLKIAH, ADINDA KEPADA SULTAN BRUNEI, SULTAN HASSANOL BOLKIAH.

ANTARA ANGGOTA ROMBONGAN DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH MENTERI PENGANGKUTAN DATUK DR LING LIONG SIK, MENTERI KERJA RAYA DATUK S. SAMY VELLU, MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK HAJI ABU HASSAN OMAR, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA JEN TAN SRI GHAZALI CHE MAT DAN KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR. - BERNAMA.

1842MST 31 03 87